

Parlimen: Bayaran Durian Runtuh Felda Dibiayai Dana Dalam, Wang Imbuhan FGVH
Bernama
26 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Pembayaran 'durian runtuh' sebanyak RM15,000 kepada warga Felda dibiayai menggunakan dana dalam dan wang imbuhan yang akan diterima melalui penjualan saham Felda Global Ventures Holdings (FGVH), kata Datuk Ahmad Maslan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu berkata pembayaran durian runtuh fasa pertama sebanyak RM5,000 yang dibiayai Felda menggunakan dana dalam, telah selesai pada Mei lepas.

"Manakala baki pembayaran fasa seterusnya akan menggunakan wang imbuhan yang akan diterima daripada penjualan saham FGVH dan dijangka mula dibayar pada Julai 2012," katanya dalam jawapan bertulis kepada Mohd Nasir Zakaria (PAS-Padang Terap) yang diedarkan kepada media di Dewan Rakyat, di sini, Selasa.

Mohd Nasir bertanya daripada sumber mana kerajaan membayar 'durian runtuh' sebanyak RM15,000 kepada warga peneroka Felda sedangkan penyenaiaan FGVH belum dilaksanakan.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Mei lepas mengumumkan durian runtuh kepada peneroka berjumlah RM1.689 bilion untuk diagihkan kepada 112,635 keluarga peneroka di seluruh negara sempena penyenaiaan FGVH di Bursa Malaysia.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=675944>